

11/01/2004

Salmah mengaku lakukan hubungan seks dengan Sam Ser

filed by Ziauddin Sharuddin

SALMAH membuat pengakuan menggemparkan kepada mahkamah apabila memberitahu bahawa Sam Ser adalah satu-satunya lelaki yang pernah melakukan hubungan seks dengannya, selain Razali Janis sebagai suami yang mempunyai ikatan yang sah.

"Saya tidak melakukan hubungan seks dengan sesiapa selain Sam Ser," katanya yang turut mendedahkan bahawa dia lebih mencintai Sam Ser, berbanding Razali walaupun ketika itu mereka adalah pasangan suami dan isteri.

Bagaimana Salmah boleh berubah kasih kepada Sam Ser? Salmah memberi alasan bahawa perasaannya terhadap Razali luntur apabila lelaki yang dikahwininya didapati mempunyai masalah pendengaran. (Ketika memberi keterangan di mahkamah, Razali menghadapi masalah untuk menjawab soalan yang dikemukakan hingga terpaksa dibantu ayahnya, Janis Baba).

"Perkahwinan saya dengan Razali diatur oleh keluarga dan saya tidak gembira dengannya. Walaupun tinggal sebumbung dengannya, tetapi hubungan kami tidak rapat," katanya. Salmah dan Razali berkahwin pada 1978.

Salmah dan Sam Ser memang pandai menyimpan rahsia untuk mengelakkan hubungan sulit mereka diketahui Razali. Selama dua tahun sebelum kejadian pembunuhan itu berlaku, mereka berjumpa tanpa dicurigai sesiapa pun.

Pada peringkat awal, Salmah memberitahu bahawa Sam Ser hanya datang sekali sebulan, tetapi tidak lama kemudian pertemuan itu menjadi lebih kerap.

Salmah mendakwa tiada siapa pun di kampungnya bertanyakan mengapa Sam Ser sering datang ke rumahnya, malah Sam Ser tidak mencuri-curi apabila datang ke rumahnya. Sebaliknya datang secara terbuka dan ia bukan suatu rahsia.

Dia memberitahu mahkamah bahawa suaminya mempunyai tabiat keluar kerja awal pagi dan biasanya pulang selepas jam 5 petang.

Ketika ketiadaan suaminya, Salmah berkata dia melakukan hubungan seks dengan Sam Ser yang datang kira-kira jam 8 pagi dan meninggalkan rumahnya antara jam 9 hingga 10 pagi.

Dari segi latar belakang keluarga, Salmah berkata ibu bapanya bercerai ketika kecil dan dia kemudian tinggal bersama keluarga angkat.

Selain perkahwinannya dengan Razali yang diatur oleh keluarga, katanya dia juga tidak mengenali Razali hingga mereka berkahwin. Dia juga mengakui pengetahuan agamanya yang lemah adalah punca dia terjerumus dalam hubungan haram dengan Sam Ser.

Berbeza dengan Salmah, Razali yang ketika perbicaraan itu sudah bercerai dengan Salmah, memberitahu bahawa dia memang menyayangi Salmah hingga perceraian itu berlaku.

"Dulu saya sayang dia, tetapi sekarang tidak lagi," katanya yang mendakwa tidak menyedari bahawa isterinya curang dengan menjalin hubungan sulit dengan Sam Ser yang sebenarnya mempunyai hubungan persaudaraan dengannya.

Razali berkata, dia pernah berjumpa Sam Ser sebanyak tiga kali di rumah bapanya di Kampung Petani.

"Dia tidak akan datang ke rumah saya ketika saya berada di rumah. Saya juga tidak tahu jika Sam Ser mengunjungi isteri saya ketika saya tiada di rumah," katanya.

Dia juga memberitahu mahkamah mengenai versinya sendiri mengenai mengapa hanya pulang ke rumah selepas jam 5 petang dengan mendedahkan bahawa bekas isterinya akan marah jika dia pulang sebelum jam 5 petang.

Sementara itu ketika Salmah secara terbuka mengakui mempunyai hubungan sulit, termasuk hingga ke bilik tidur dengan Sam Ser, buruh ladang itu sebaliknya bertegas menafikan mereka mempunyai hubungan itu, malah mendakwa masih teruna.

Sam Ser mendakwa tidak faham mengapa saksi utama pendakwa, Salmah, mengaku melakukan hubungan seks dengannya.

"Saya tidak pernah menjadi kekasih Salmah atau melakukan hubungan seks. Salmah berbohong kerana mempunyai perasaan dendam terhadap saya," katanya tetapi tidak pula mahu menyatakan punca Salmah mendendaminya.

Isu ini dibangkitkan di mahkamah apabila Timbalan Pendakwaraya, Saufee Afandi Mohamed, menyoal Sam Ser, mengenainya.

Saufee: Kenapa Salmah membabitkan kamu sedang ada begitu ramai orang di dunia ini?

Sam Ser: Dia berdendam dengan saya.

Saufee: Kenapa?

Sam Ser: Saya tidak dapat jawab soalan ini.

Saufee: Salmah bukan gila. Kamu melakukan hubungan seks dengannya, adakah ini benar?

Sam Ser: Tidak benar.

Saufee: Jadi Salmah bermimpi di siang hari?

Soalan ini menyebabkan peguam bela Sam Ser mencelah membantah soalan itu dengan berkata bahawa hanya Salmah boleh menjawab soalan itu.

Saufee kemudian mengulangi soalan itu dengan berkata mengapa Salmah membabitkan Sam Ser sedangkan dia tidak gila dan tidak ada bukti menunjukkan dia seorang yang gila.

Sam Ser: Saya tidak tahu. Saya terkejut kenapa daripada semua orang di dunia ini, Salmah membabitkan saya.

Saufee: Saya juga terkejut. Mengapa tidak dia membabitkan (Tun) Dr Mahathir (Mohamad, bekas Perdana Malaysia).

Sam Ser: Saya tidak tahu.

Saufee: Pernahkah kamu melakukan hubungan seks dengan sesiapa yang lain?

Sam Ser: Tidak.

Saufee: Tidak pernah sebelum ini?

Sam Ser: Tidak.

Antara kisah menarik mengenai Sam Ser yang timbul ketika perbicaraan di mahkamah ialah dakwaan bahawa dia tidak menghadapi masalah untuk mencari pasangan hidup jika mahu mendirikan rumah tangga.

Katanya, keluarganya dengan mudah boleh mengaturkan perkahwinan untuknya jika dia mahu.

Sam Ser berkata, dia pernah menjadi penyanyi kumpulan Ghazal, tetapi tidak tahu sama ada pembabitannya dalam kumpulan itu menyebabkan ada perempuan yang meminatinya secara rahsia.

Katanya, dia juga tidak pernah bercakap dengan Salmah ketika majlis perkahwinan Salmah di rumah bapa bekas suaminya, Razali. (Janis ada memberi keterangan bahawa beberapa majlis perkahwinan diadakan di rumahnya yang Sam Ser turut dijemput).

Sam Ser menegaskan bahawa dia hanya pernah bertemu Salmah sebanyak dua kali, iaitu kali pertama di rumah bapa saudaranya (Janis) ketika Salmah melangsungkan perkahwinan dengan Razali. Pertemuan kedua juga berlangsung di rumah Janis, tetapi menafikan pertemuan itu kerana dia mempunyai hubungan dengan Salmah.

Malah, dia mendakwa tidak pernah ke Kampung Muhibbah dan tidak tahu di mana rumah Salmah.

Bagaimanapun hakim selepas mempertimbangkan keterangan kedua-dua pihak memutuskan supaya Sam Ser membela diri pada 2 Februari.

Kini menjadi tugas pihak pembela pula membuktikan bahawa Sam Ser tidak bersalah. Jika Salmah menjadi saksi terpenting pendakwa, pada peringkat

ini, pihak peguam bela mengemukakan saksi penting mereka, bekas mandur ladang, Samad Sapari, 31.

Seperti Salmah yang memberi keterangan penting, iaitu mendakwa Sam Ser membunuh dua beradik itu, Samad juga memberi keterangan penting.

Samad memberitahu mahkamah bahawa pada hari kejadian pembunuhan itu, Sam Ser bekerja penuh satu hari mulai jam 7 pagi hingga 3 petang.

Katanya, dia biasanya mencatat kehadiran pekerja selepas jam 3 petang dan kemudian menyerahkan buku kehadiran itu kepada kerani ladang, Miss Tan, yang kemudian menyalin dalam buku lain.

Jika pekerja datang lambat, katanya dia akan menyuruh pekerja terbabit balik dan menandakan dalam buku kehadiran bahawa pekerja itu tidak datang.

Bagaimanapun, katanya jika pekerja hadir pada jam 11 pagi, pekerja itu dibenarkan bekerja hingga jam 3 petang, tetapi ditandakan sebagai bekerja separuh hari.

Pada 30 April, katanya dia menyerahkan buku kehadiran kepada Miss Tan antara jam 3.30 hingga 4 petang kerana Tan akan mengira gaji untuk April.

Jika pekerja datang dan kemudian meminta untuk bercuti, katanya dia akan merujuk permohonan itu kepada pengurusan ladang.

Samad mengakui bahawa dia dan Sam Ser mempunyai ikatan persaudaraan, tetapi bukan saudara rapat serta berkawan ketika kecil.

Bagaimanapun, katanya sebagai rakyat yang setia dan bapa kepada dua anak, dia sedar tanggungjawabnya untuk menolong mereka yang tidak bersalah.

Apabila diasak Timbalan Pendakwaraya, Saufee, dia bersetuju bahawa rekod kedatangan Sam Ser tidak begitu baik dan pada April, dia hanya bekerja selama 14 setengah hari.

Katanya, dia berhenti mengambil kedatangan pekerja selepas 30 April dan tugas itu diambil alih oleh seorang lagi mandor yang juga adiknya sendiri, Sahim, 28.

Dia juga memberitahu mahkamah bahawa bapa saudara Sam Ser pada Mei 1984 ada berjumpanya untuk mengetahui sama ada Sam Ser bekerja pada hari kejadian pembunuhan.

Katanya, dia membawa bapa saudara Sam Ser ke pejabat ladang dan memeriksa buku rekod kedatangan.

Samad yang berhenti kerja di ladang itu pada Mac 1986 dan menjadi peneroka di tanah rancangan Felda di Mersing, juga memberitahu mahkamah bahawa dia menyimpan buku rekod kedatangan walaupun tidak lagi bekerja di ladang itu.

Hanya pada Disember 1986, katanya dia mencari semula buku rekod itu apabila diberitahu bahawa polis mencari buku itu dan selepas dijumpai diserahkan kepada mahkamah.

Apabila ditanya mengapa banyak muka surat kosong dalam buku kehadiran bulan April, katanya dia buat begitu kerana disuruh oleh Miss Tan.

Bagaimanapun, dia menolak dakwaan bahawa dia berpakat dengan Sam Ser untuk menandakan kehadiran buruh ladang itu pada 30 April supaya mereka boleh berkongsi upah pada hari itu.

MINGGU DEPAN - Salmah mendakwa melihat sendiri Sam Ser membunuh Azman dan Saniah. Siri minggu ini pula memperlihatkan Samad menjadi saksi bahawa buruh ladang itu datang bertugas pada hari pembunuhan. Mana satu yang betul dan apakah kesudahan nasib Sam Ser. Adakah dia didapati bersalah?